

Laporan Peranan dan Fungsi Pusat Kerjaya dan Bakat Negeri Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Talent Centre*)

1.0 Latar Belakang

Penang Career Assistance and Talent Centre (Pusat Kerjaya dan Bakat Negeri Pulau Pinang) telah ditubuhkan pada awal tahun 2009 dengan objektif asal untuk membantu pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja semasa ekonomi meleset pada masa itu. Namun kebelakangan ini, tahap gunatenaga di negeri Pulau Pinang boleh dianggap berada pada kadar gunatenaga penuh (full employment). Ini dapat dilihat berdasarkan kadar pengangguran di negeri Pulau Pinang yang mencatatkan kurang dari 3% sejak tahun 2009. Mengikut sumber data daripada Jabatan Statistik Negara (Department of Statistic) kadar pengangguran negeri Pulau Pinang pada tahun 2019 adalah yang kedua terendah iaitu hanya 2.0% berbanding kadar pengangguran seluruh negara adalah sebanyak 3.2%.

Pada tahun 2011, Pusat CAT telah beralih tumpuan kepada aktiviti-aktiviti mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui slogan kerajaan negeri iaitu - “Penang, Great Place to Work, Live, Learn, Play” dan “My Penang, My Workplace” bagi menampung keperluan pasaran tenaga kerja semasa yang tinggi di Pulau Pinang. Justeru, pusat CAT secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti bagi menarik dan mengekalkan bakat ke negeri Pulau Pinang dengan sumbangan kemahiran mengikut kepakaran masing-masing.

Usaha utama yang dilaksanakan oleh Pusat CAT pada masa kini adalah seperti berikut :-

- Mempromosikan laman sesawang www.penangcatcentre.my sebagai sumber rujukan utama dan titik perhubungan antara pihak majikan tempatan dengan bakat dari seluruh dunia.
- Mengendalikan pepadanan jawatan (pemohon kerja dengan majikan).
- Menyertai *career fair* dan mengadakan *career talk* di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan pameran awam bagi berkongsi trend pekerjaan semasa kepada pelajar-pelajar sebagai persediaan untuk melangkah ke alam pekerjaan.
- Menjalinkan hubungan dengan pihak berkepentingan (stakeholder) melalui sesi dialog secara langsung dan tidak langsung bagi memperkasa dan memanfaatkan inisiatif-inisiatif/program-program berkaitan sumber manusia kepada pencari kerja.
- Seketariat kepada biasiswa kerajaan negeri iaitu Penang Future Foundation (PFF) yang ditubuhkan bagi persediaan saluran bakat ke negeri Pulau Pinang.
- Sokongan dasar (policy advocacy) dengan menyalurkan maklumat-maklumat dan cadangan polisi kepada pihak yang berkaitan.

2.0 Laman Sesawang (www.penangcatcentre.my)

Penumpuan usaha utama adalah untuk memastikan laman sesawang Pusat CAT aktif dalam menyampaikan maklumat terkini beserta dengan maklumat-maklumat yang berkaitan. Salah satu ciri utama laman sesawang Pusat CAT ialah memuatnaik iklan jawatan kosong secara percuma untuk majikan-majikan yang memerlukan. Selain itu, informasi semasa yang sentiasa dimuatnaik di laman sesawang Pusat CAT termasuk bilangan jawatan kosong di negeri Pulau Pinang (Jobs Available), berita pelaburan mahupun berita semasa (What's Up) dan sebagainya. Sila rujuk jadual di bawah untuk data terperinci.

Pada mulanya, laman sesawang www.penangcatcentre.my hanya menerima 1,016 lawatan sebulan secara purata dalam jangkamasa Sep 2011 - Feb 2012. Tetapi sejak Pusat CAT menumpukan usaha untuk menyebarkan laman sesawang Pusat CAT di pameran-pameran kerjaya institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan juga aktif mengikuti program-program yang dianjurkan oleh Invest Penang, kini bilangan pelawat laman sesawang Pusat CAT telah melebihi 5,000 sebulan.

3.0 Peranan dan Fungsi Pusat CAT

Sejak penubuhan Pusat CAT, antara perkhidmatan yang diberikan secara percuma adalah perkhidmatan **pendaftaran pencari kerja ke pangkalan data Pusat CAT** bagi tujuan **pemadanan jawatan**. Perkhidmatan ini terbuka kepada pencari kerja yang aktif, samada penuntut-penuntut yang baru tamat pengajian, pekerja yang berhenti kerja ataupun sedang bekerja & mencari peluang-peluang baru. Proses pemadanan jawatan akan dilakukan sekiranya terdapat permintaan daripada majikan. Apabila mana-mana syarikat di Pulau Pinang yang ingin mengambil pekerja menghubungi Pusat CAT, maka proses pemadanan kerja akan dijalankan.

Profil pencari kerja yang didapati sesuai untuk dipadankan akan dibekalkan kepada syarikat yang memohon untuk proses pengambilan kerja dengan mana-mana calon yang mereka berminat.

Sehingga Ogos 2020, terdapat melebihi 300 buah syarikat yang telah menggunakan perkhidmatan pemadanan jawatan Pusat CAT. Dalam tempoh Mac 2020 sehingga Ogos 2020 (semenjak PKP dilaksanakan), seramai 465 pendaftar yang layak telah dipadani dengan 116 jawatan kosong untuk dipertimbangkan oleh majikan demi kesesuaian diberi peluang temuduga. Baki pendaftar yang tidak dapat dipadankan dengan majikan adalah kerana mereka tidak mempunyai kelayakan atau pengalaman yang bersesuaian dengan permintaan majikan.

Dari permintaan pemadanan jawatan yang diterima oleh Pusat CAT, lima jawatan kosong yang paling banyak diperlukan oleh majikan dalam tempoh masa enam bulan yang lalu adalah 'Operator Pengeluaran', 'Jurutera', 'Jurumesin', 'Pegawai Khidmat Pelanggan', dan 'Juruteknik'.

Selain pemadanan jawatan, Pusat CAT juga secara aktif menawarkan **pengiklanan jawatan secara percuma** kepada syarikat-syarikat yang mempunyai jawatan kosong untuk

ditawarkan. Dalam tempoh 6 bulan yang lalu (semenjak PKP dilaksanakan), terdapat 30 buah syarikat yang memilih untuk mengiklankan 142 jawatan mereka di laman web Pusat CAT bagi permohonan secara terus oleh pencari kerja yang telah berdaftar dengan Pusat CAT.

Berikut adalah statistik pencari kerja yang telah berdaftar dengan Pusat CAT sejak tahun penubuhan pada tahun 2009. Dicatatkan sehingga Ogos 2020, seramai 12,328 pemohon kerja telah mendaftar melalui 'walk-in', pameran kerjaya, lawatan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan pendaftaran para pekerja yang telah diberikan VSS oleh majikan.

Cumulative Number of Registered Job Seekers with CAT Centre from Mar 2020 - Aug 2020

Desc / Month	Mar '20	Apr '20	May '20	June '20	Jul '20	Aug '20
No. of Registrant	14	15	83	79	42	36
Cumulative	12,073	12,088	12,171	12,250	12,292	12,328

Dalam tempoh 6 bulan iaitu pada bulan Mac 2020 – Ogos 2020 (semenjak PKP dilaksanakan), Pusat CAT telah menerima pendaftaran pencari kerja seramai 269 orang yang mana 66 adalah terdiri daripada mereka yang telah kehilangan kerja akibat diberhentikan/mendapat VSS semasa pandemik COVID-19 yang melanda baru-baru ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh Pusat CAT dalam membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan/mendapat VSS semasa pandemik COVID-19.

Seiring dengan usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya *My Penang*, *My Workplace*, pelbagai pendekatan telah diambil terutama sewaktu pandemik COVID-19 yang melanda dunia baru-baru ini.

Sebilangan besar masyarakat terkesan dengan wabak ini dan telah hilang pekerjaan. Sebagai sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab untuk membantu mereka yang terjejas, Pusat CAT telah menjalankan usaha yang berterusan bagi membantu pencari kerja melalui:

1. Hubungan terus kepada syarikat yang terlibat dengan aktiviti pemberhentian perkerja/VSS (seperti kilang Pen Apparel, Esquel, Penfabric, Nippon EGALV dan hotel iaitu Hotel Jazz, Hotel Penaga, Hotel Jerjak, Hotel Mercure, Hotel Gurney dan Hotel Holiday Inn) bagi berkongsi jenis-jenis bantuan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat CAT kepada syarikat dan juga pekerja-pekerja yang terkesan.
2. Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh mereka (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain).
3. Jangkauan kepada agensi-agensy pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif (walaupun terhad) untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta Facebook Pusat CAT.
4. Kerjasama dengan NCIA dalam mempromosikan program di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) iaitu program JomKerja & JomNiaga melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT Centre serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan.

5. Kerjasama dengan TalentCorp dalam dalam mempromosikan program *Career Comeback* melalui Facebook Pusat CAT Centre serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan.

Melalui hubungan berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan ini juga, Pusat CAT telah mengenalpasti sebuah inisiatif dengan Kerjasama Jobstreet.com Malaysia dalam menganjurkan satu program bagi membantu pencari kerja terutamanya yang terjejas dengan keadaan semasa pandemik COVID-19 iaitu *Career Exploration Week: My Penang, My Workplace* yang akan berlangsung secara *virtual* pada 26 September – 02 Oktober 2020.

Kerjasama ini juga dipanjangkan dengan menjemput syarikat-syarikat yang aktif dalam pengambilan pekerja untuk mengambil bahagian sebagai *exhibitor* bagi berkongsi peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di syarikat masing-masing agar pencari kerja dapat memohon secara terus.

Selain itu, terdapat beberapa slot *webinar* yang disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang bagi berkongsi tips, pandangan dan juga topik terkini yang dapat membantu pencari kerja untuk memberi informasi dalam persediaan diri agar lebih relevan dengan permintaan pasaran kerja kini.

Disamping itu, Pusat CAT juga telah dilantik sebagai **sekretariat kepada jawatan kuasa pemilihan untuk biasiswa negeri iaitu Penang Future Foundation (PFF)** yang berperanan membuat penyelidikan, cadangan dan merekabentuk prosedur operasi standard seperti syarat-syarat kelayakan dan proses permohonan dan kemudiannya dibentangkan kepada jawatankuasa pemilihan. Permohonan biasiswa PFF adalah secara permohonan atas talian, oleh itu Pusat CAT juga bertanggungjawab menjaga platform media sosial termasuk laman sesawang PFF yang memberi maklumat dan juga menerima permohonan secara dalam talian.

Program pengajian yang ditaja adalah pada peringkat ijazah sarjana muda yang diikuti di Malaysia merangkumi program-program dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan perakaunan/kewangan (*Science, Technology, Engineering, Mathematics and Accounting/Finance*) yang telah mendapat akreditasi penuh daripada Malaysian Qualification Accreditation (MQA).

Jumlah biasiswa PFF yang telah dianugerahkan sejak tahun 2015 - 2019 adalah sebanyak 511; sementara 204 orang pemegang biasiswa telahpun menamatkan pengajian dan sedang/akan menjalani *service bond* mengikut jumlah biasiswa yang diperolehi.

4.0 Lain-Lain Inisiatif Pusat CAT

Memandangkan memiliki aset perumahan adalah satu unsur penting bagi menarik dan meningkatkan komitmen untuk bekerja di Pulau Pinang, Pusat CAT dengan kerjasama daripada *Selection Process Enhancement Committee (SPEC)* telah melancarkan *Priority Affordable Housing Scheme* khususnya untuk *Talent & Skilled Group* yang bekerja di Pulau Pinang. Graduan yang memenuhi syarat-syarat tertentu akan diberi keutamaan dengan mendapatkan surat sokongan yang dikeluarkan oleh Pusat CAT (Invest Penang) untuk memiliki perumahan mampu-milik di Pulau Pinang. Selepas proses pengesahan dokumen-

dokumen, permohonan ini telah diluluskan dan dipanjangkan kepada SPEC untuk diberi keutamaan dalam permohonan rumah mampu milik.

5.0 Kesimpulan

Berdasarkan justifikasi yang telah diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa Pusat CAT telah mencapai dan melengkapkan objektif-objektif yang telah ditetapkan dan akan terus berusaha untuk mengamalkan polisi dan strategi untuk menarik dan mengekalkan bakat-bakat di Pulau Pinang.